



## UPM Jalankan Kerjasama Penyelidikan dengan Sunzen Biotech Berhad



Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah (dua dari kiri) bertukar dokumen MoU dengan Tan Kim Sing sambil disaksikan oleh Prof. Madya Dr. Bashir Ahmad Fateh (kiri) dan Dr. Kok Poe Chu.

**SERDANG, 25 Nov –** Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalankan kerjasama akademik dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) produk kesihatan haiwan dengan syarikat peneraju produk tersebut, Sunzen Biotech Berhad.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata kerjasama tersebut memfokuskan bidang yang berkaitan dengan keselamatan makanan, kebersihan ladang, mengurangkan pencemaran dan meningkatkan imuniti.

"Kerjasama antara UPM dengan Sunzen bermula sejak tiga dekad lalu iaitu pada tahun 1978 dengan projek penyelidikan bertajuk Disease Investigation, Control and Treatment of Coccidiosis in Chickens, diikuti dengan tujuh projek penyelidikan selepasnya sehingga kini

"Diharapkan hasil R&D tersebut berpotensi untuk dikomersilkan untuk faedah kedua-dua pihak," katanya dalam ucapan sebelum menandatangani memorandum persefahaman (MoU) majlis tersebut yang diadakan di Bangunan Pentadbiran UPM.

Beliau berharap kedua-dua pihak dapat mengandakan usaha secara kolektif dan meningkatkan prestasi serta berkongsi pengetahuan baru yang diterokai dengan menyediakan keparahan dan penyelidikan serta Sunzen dapat mengkomersialkan produk tersebut.

Memorandum itu ditandatangani oleh Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah mewakili UPM dan Pengarah Urusan, Dr. Tan Kim Sing mewakili Sunzen Biotech Berhad, dengan disaksikan oleh Dekan Fakulti Perubatan Veterinar UPM, Prof. Madya Dr. Bashir Ahmad Fateh Mohamed dan Pengarah Eksekutif Sunzen Biotech Berhad, Dr. Kok Poe Chu.

Perjanjian tersebut meliputi tempoh lima tahun dengan pilihan memperbaharui untuk tempoh lima tahun seterusnya.

Enam ahli fakulti yang terlibat dalam R&D tersebut ialah Prof. Dr. Aini Ideris, Prof. Dr. Mohd Hair Bejo, Prof. Dr. Zulkifli Idrus, Prof. Madya Dr. Loh Tech Chwen, Dr. Zunita Zakaria dan Dr. Goh Yoh Meng.

Dr. Tan Kim Sing berkata Sunzen melihat ke hadapan kerjasama produktif yang dilanjutkan dengan Fakulti Perubatan Veterinar di dalam bidang pengajaran dan R&D untuk pelajar pra-siswazah dan pasca-siswazah.

"Usaha ini perlu dilakukan dengan bersungguh-sungguh antara Fakulti Perubatan Veterinar dan Sunzen Biotech Berhad untuk menghasilkan R&D yang berkualiti dan menjadi penambahbaik kepada kerjasama sebelum ini," katanya.

Disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.